



Jabatan Alam Sekitar

6h · 🌐

SEBUAH SYARIKAT DIDAKWA DI MAHKAMAH KERANA GAGAL MENGENDALIKAN DAN MENYELENGGARA SISTEM KAWALAN PENCEMARAN UDARA DUST COLLECTOR MENGIKUT AMALAN KEJURUTERAAN YANG BAIK DAN GAGAL MEMASTIKAN SEMUA KOMPONEN SISTEM BERFUNGSI DENGAN BAIK.

24 FEBRUARI 2025, BUTTERWORTH:

Mahkamah Sesyen Jenayah 2, Butterworth, Pulau Pinang hari ini telah menjatuhkan hukuman denda berjumlah RM19,000.00 ke atas sebuah syarikat kerana didapati telah beroperasi tanpa mengendalikan dan menyelenggara sistem kawalan pencemaran udara Dust Collector dan gagal mengikut amalan kejuruteraan yang menyeluruh bagi memastikan semua komponen sistem berfungsi dengan baik iaitu kesalahan di bawah Peraturan 7(3), Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014.

Kesalahan tersebut telah dilakukan pada 6 Februari 2020. OKS telah mengaku bersalah terhadap pertuduhan yang dibacakan semasa sebutan kes tersebut. Hakim Mahkamah Sesyen Jenayah 2, Butterworth telah menjatuhkan hukuman bersalah terhadap OKS dan didenda sebanyak RM19,000.00.

Orang awam diseru untuk melaporkan sebarang aktiviti yang mencemarkan alam sekitar di talian bebas tol 1-800-88-2727 yang beroperasi 24 jam sehari atau emel ke aduan_k@doe.gov.my dan melalui portal e-aduan JAS di <https://eaduan.doe.gov.my>.

#kementeriainsumberaslidankelestarianalam

#jabatanalamsekitar

#jaspulaupinang

#alamsekitartanggungjawabbersama

#jaspp_feb2025

KES MAHKAMAH
AKTA KUALITI ALAM SEKELILING, 1974

MAHKAMAH SESYEN 2
BUTTERWORTH

PERTUDUHAN
KE ATAS SYARIKAT

YEW LEAN FOUNDRY & CO. SDN. BHD
2432, TINGKAT PERUSAHAAN 6,
PRAI INDUSTRIAL ESTATE
13600 PERAI
PULAU PINANG

HUKUMAN
KE ATAS SYARIKAT
OKS MENGAKU BERSALAH PADA
24 FEBRUARI 2025

TARIKH KESALAHAN: 06 FEBRUARI 2020

Pertuduhan:
Peraturan 7(3), Peraturan-Peraturan Kualiti Alam
Sekeliling (Udara Bersih)2014

Premis telah beroperasi tanpa mengendalikan dan menyelenggarakan sistem kawalan pencemaran udara Dust Collector mengikut amalan kejuruteraan yang menyeluruh dan gagal untuk memastikan semua komponen sistem tersebut berfungsi dengan baik.

DENDA **RM 19,000.00**

JABATAN ALAM SEKITAR | JABATAN ALAM SEKITAR | JABATAN ALAM SEKITAR | JABATAN ALAM SEKITAR | "ALAM SEKITAR TANGGUNGJAWAB BERSAMA"